



Kanser tulang bukan alasan berduka

» Hilang sebelah kaki, namun Nazri masih teruskan pengalilan

KALAU TERUS BERSEDIH, MASIH BANYAK KEDUKAAN LAIN DALAM HIDUP PERLU DIHADAPI TERMASUK MASALAH KELUARGA. SAYA KENA KUAT KERANA HANYA KECEKALAN DIRI BERUPAYA MEMBANTU KE ARAH MASA DEPAN CERAH

Ahmad Nazri Hamzah, Pesakit kanser tulang



Oleh Nadia Hamid
nnadia@zh.com.my

Kehilangan sebelah kaki akibat kanser tulang ketika usianya baru mencecah 15 tahun tidak pernah mematahkan semangat Ahmad Nazri Hamzah meneruskan kehidupan cemerlang.

Berita malang disahkan sebagai orang kelainan upaya (OKU) membulatkan tekad Ahmad Nazri meneruskan minatnya bersukan sehingga terpilih mewakili negara dalam sukan bola keran-

jang roda (paralimpik).


Katanya, beliau percaya kejayaan tidak datang bergolek melainkan dengan usaha berterusan, tawakal dan motivasi diri positif.

"Kalau terus bersehid, masih banyak kedukaan lain dalam hidup perlu dihadapi termasuk masalah keluarga. Saya kena kuat kerana hanya kecekalan diri berupaya membantu ke arah masa depan cerah.

"Jangan putus asa dengan diri sendiri. Saya yakin semua aturan kehidupan ditetapkanNya. Berkat kesabaran berterusan dan percaya qadar membaahkkan kenikmatan serta hikmah terbaik," katanya.

Tumescaran sel tulang tidak normal

Beliau mengambil sikap tidak berkecuan, menghidap penyakit



tulang tumbesaran, osteosarcoma yang jarang dihidapi membuatkan beliau gagal menjalani masa remaja seperti kanak-kanak lain.

Katanya, penyakit berkenaan menyebabkan sel tulang mengalami tumbesaran tidak normal dan panjang, khususnya pada bahagian lutut, tulang betis atau tulang peha.

Disoal sama ada beliau menyedari masalah berkenaan sedari kecil, Ahmad Nazri menjelaskan tiada ahli keluarga pernah menghadapi masalah sama walaupun doktor mengesahkan penyakit berkenaan berlaku akibat genetik.

Bagaimanapun, beliau kerap mengalami masalah berulang seperti lutut bengkak, kejang pangkal paha dan sakit berkenaan datang dan pergi dalam tempoh waktu singkat (cepat).

Kesan terseliuh, bengkak
Beliau mengambil sikap tidak endah berikutan beranggapan sakit itu terjadi apabila terlam-



pau banyak melakukan gerakan bersukan sehinggalah, pengsan dengan tiba-tiba ketika bermain bola sepak, kira-kira 11 tahun lalu.

Ahmad Nazri dikejarkan ke hospital dan mendapatkan rawatan awal di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) serta dimaklumkan, alami bengkak akibat terseliuh.

Bagaimanapun, tidak lama kemudian beliau dirujuk menjalani rawatan lanjutan di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), Kubang Kerian, Kelantan.

"Mula-mula doktor jalankan imbasan topografi CT dan biopsi untuk kesan masalah lebih lanjut. Malangnya, saya terkejut apabila doktor sahkan menghidap tumor tahap tiga. Dunia kelam seketika apabila terpaksa menjalani tujuh kali fasa kemoterapi termasuk tujuh pembedahan berperingkat.

"Apabila kanser merebak ke paru-paru, saya terpaksa jalani tiga kali pembedahan secara berperingkat," katanya.

Ulang sesi persekolahan

Dalam tempoh mendapatkan rawatan, beliau melupakan seketika dunia persekolahan, mengulang kembali sesi persekolahan Tingkatan Empat dan menduduki semula Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM).

Kemudian dia melanjutkan pelajaran dalam bidang Diploma

Pengajian Perniagaan, Politeknik Shah Alam, Selangor apabila kesihatan beransur pulih. Ahmad Nazri berkata, beliau bersyukur masih diberi peluang meneruskan kehidupan di samping mendapat sokongan penuh daripada Majlis Sukan Negara, Majlis Kanser Negara (MAKNA) serta keluarga tercinta.

Kehidupan berkuiliteri terus berjalan lancar dan beliau mahu mengorak langkah membina kejayaan tersendiri buatinya dan memiliki keluarga sendiri, kelak.

"Saya paling bangga apabila berjaya sampai ke puncak Gunung Kinabalu pada ketinggian 4,095 meter dari paras laut dua tahun lalu. Sekarang, saya mengimpikan kehidupan berkeuarga," katanya tersenyum.



Ketika di puncak Kinabalu pada 2014.

Kawasan mudah
mengalami kanser tulang

Kawasan jarang
dikesan mengalami kanser tulang

